

## Warga UMP digesa terus cipta kejayaan vm (Khalo) Katalu 17/3/13 ms26



DR. Daing Nasir Ibrahim (kiri) bersalam dengan pelajar dan kakitangan pada Majlis Amanat Tahun Baharu UMP di UMP, Kuantan, baru-baru ini.

KUANTAN 12 Mac - Seluruh warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) digesa mencipta kejayaan dan melihat semula asas fasa pelaksanaan strategi universiti itu untuk terus mencapai kecemerlangan.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti itu kini telah menikmati kedudukan serta pencapaian jauh lebih baik berbanding lima tahun lalu ketika penubuhannya.

Menurut beliau, setiap warga universiti itu harus menyumbang secara produktif melalui bakat, ilmu pengetahuan, kemahiran dan tabiat kerja yang baik supaya kecemerlangan tersebut dapat diteruskan.

"Justeru, universiti ini akan terus berusaha meningkatkan jumlah kakitangan akademik yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang mana hanya 202 atau 35 peratus daripada 581 pensyarah memilikinya berbanding 16 peratus pada 2009," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap dalam Majlis Amanat Tahun Baharu UMP dengan dihadiri lebih 5,000 penuntut dan kakitangan di Kompleks Sukan kampus tersebut di sini baru-baru ini.

Daing Nasir berkata, sejak penubuhan UMP lima tahun-lalu, universiti tersebut menjadi pilihan terbaik di kalangan penuntut matrikulasi dan lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) iaitu sebanyak 62 peratus untuk melanjutkan pengajian mereka dalam bidang tertentu.

Tambahnya, peningkatan tersebut adalah hasil daripada strategi dan inisiatif yang digerakkan melalui tawaran program ijazah sarjana muda melibatkan kursus berkemahiran tinggi dalam memenuhi keperluan industri.

"Segala usaha gigih yang disumbangkan warga kerja dan mahasiswa UMP amat dihargai dalam meningkatkan pencapaian universiti ke tahap lebih maju pada masa depan," ujarnya.